

MOSTI bina makmal kimia bergerak RM10 juta

Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my



Dr Adham (tengah), bersama Ketua Pengarah Kimia Malaysia, Datuk Mohamed Zaini Abdul Rahman (kiri) melakukan gimik perasmian Program Kimia ke Desa sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Kimia Malaysia Johor, di Kampung Semanggar Dalam. FOTO FARID NOH Kota Tinggi: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang membangunkan sebuah makmal kimia bergerak bernilai RM10 juta di Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor yang akan beroperasi hujung 2023.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, makmal bergerak itu dibangunkan bagi membolehkan kes pencemaran kimia yang berlaku di negara ini dapat dilakukan dengan lebih pantas, menyeluruh dan terperinci.

Dalam masa sama katanya, MOSTI juga sedang membangunkan dua unit bas makmal bergerak bernilai RM200,000 yang akan ditempatkan di Johor Bahru dan Bintulu.

"Ketika ini MOSTI sedang membangunkan makmal bergerak bernilai RM10 juta yang boleh digerakkan ke lokasi pencemaran kimia dengan segera.

"Ini adalah pendekatan baharu Jabatan Kimia Malaysia bagi memastikan siasatan kes pencemaran bahan kimia sekiranya terjadi dapat dimulakan dengan pantas dan sampel bahan kimia dapat dianalisis di lokasi pencemaran itu sendiri.

"Makmal bergerak ini dijangka mula beroperasi pada hujung 2023 dan boleh digerakkan di seluruh Semenanjung. Manakala dua bas makmal bergerak itu dijangka siap dan beroperasi pada awal 2023," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Kimia ke Desa sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Kimia Malaysia Johor, di Kampung Semangar Dalam di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Dr Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara, berkata dua unit bas makmal bergerak akan ditempatkan di Johor Bahru dan Bintulu kerana keduanya adalah kawasan perindustrian yang besar.

Katanya, Johor Bahru juga sering berlaku kes pencemaran dengan yang paling besar adalah pencemaran toksik di Sungai Kim Kim.

"Langkah membina makmal bergerak dan bas makmal bergerak ini adalah langkah proaktif Jabatan Kimia bagi memastikan sampel pencemaran dapat dialisis dengan pantas, tepat dan berkesan di lokasi terjadinya pencemaran selain bersiap sedia menghadapi pencemaran," katanya.

Dr Adham berkata, MOSTI juga akan memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan Pusat bagi memperluaskan unit bas makmal bergerak ke lebih banyak negeri lagi.

Katanya, langkah itu ia dapat memastikan keselamatan rakyat negara ini daripada terdedah pada elemen pencemaran terutama kimia dan toksik sekiranya ia berlaku.

Disiarkan pada: Mei 29, 2022 @ 2:05pm